

**PARAMESWARA PENGASAS DAN PENDUKUNG KERAJAAN KESULTANAN
MELAYU MELAKA**

Syaimak Ismail
Mohd Taib Dora
Kolej Universiti Islam Melaka
(email: dr.syaimak@kuim.edu.my)

Abstract

Parameswara was a political figure who managed to open Malacca after struggling to establish a kingdom after several times lost to a new government such as an attempt to rule Temasik and to open Muar. The strong and undeserved Parameswara attitude led to the opening of the Malay Sultanate of Malacca and the kingdom was not an ordinary kingdom but became a kingdom that had an incredible port of commerce and became the visit of millions of foreign traders from all over the world to undergo trade and business at the port. This study uses full library method and the method of analysis used is in descriptive method. The findings show that parameswara is an important individual that helps the establishment of Malacca and the effort is continued by the inherited government.

Keywords: Parameswara, founder, Melaka Malay Sultanate Government

PENDAHULUAN

Melaka terletak di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia merupakan salah sebuah negeri yang pernah melaksanakan sistem Kesultanan Melayu terawal di Nusantara pada abad ke 14-15M. Kedudukannya yang bersebelahan dengan Selat Melaka dan terlindung daripada angin monsun menjadikan negeri ini sebuah pelabuhan pesat yang lengkap dengan fasiliti dan kemudahan kepada pedagang yang bertandang. Pada awal abad ke-16 Melaka telah mencapai tahap kekuasaan dan kemakmuran yang tertinggi dengan kestabilan ekonomi serta berperanan sebagai pusat penyebaran agama Islam yang berprestij sekaligus menarik perhatian Portugis untuk merampas Melaka. Kondisi geografi ini menjadikan Melaka bukan hanya dikenali sebagai kuasa yang ulung pada zamannya, bahkan ia juga tersohor melalui urusan perdagangan yang membabitkan para pedagang dari Arab, Cambaya, Chaul, Dabul, Calicut, Aden, Mekah, Juda Coramandel, Benggal, China, Jawa dan

Pegu.¹ Sejarah Melayu juga ada mencatatkan tentang kedatangan pedagang dari seluruh dunia yang berbeza bangsa dengan jumlah besar di pelabuhan Melaka.²

Rekod sejarah menyatakan sewaktu urusan perdagangan di Melaka berada di puncak kegemilangannya, terdapat sebanyak 84 jenis bahasa yang digunakan oleh pedagang yang berdagang di negeri itu, sekaligus memberikan ekspresi kedatangan bangsa-

¹Armando Cortesao, (1944), *The Suma Oriental of Tom Pires*, London: Haklyut University

M.J. Pintado (pnyt.) (1993), *Portuguese Documents on Mallaca Vol. 1 (1510-1511)*, Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 119

²Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998, Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu*, MS Raffles, No 18 MBRAS, Kuala Lumpur, 128, (lihat juga *Sejarah Melayu*, (1961), Singapore: Malay Publishing House, 247, A. Samad Ahmad, (1970), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 80, W.G Shellabear, (1977), 61, *Sejarah Melayu*, Petaling Jaya: Fajar Bakti, 61)

bangsa yang pelbagai dari seluruh dunia.³ Populasi kedatangan dan migrasi kelompok pedagang ini dapat dilihat melalui tiga bangsa utama iaitu bangsa Arab, India dan China. Oleh demikian, Melaka menjadi sebuah lokasi yang kaya dengan aspek kebudayaan asing hasil dari pertembungan tradisi dan percampuran budaya merangkumi tamadun Barat, Islam, Melayu, India dan China.

Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan dasar dan konsep yang terbuka yang mana sesiapa sahaja boleh menetap di Melaka selagi mana individu tersebut tidak mengganggu ketenteraman awam. Penglibatan orang asing dalam politik Melaka juga boleh dilihat berlaku sejak daripada awal penubuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka lagi dan sejak daripada awal tiada sebarang isu besar yang melibatkan pembesar asing melainkan sesetengah perkara yang menjadi masalah disebabkan campur tangan golongan pembesar India muslim dalam politik Melaka.⁴ Antaranya adalah seperti Sultan Muzaffar Shah cucu kepada Mani Purndam yang merupakan seorang India Muslim dan Tun Ali yang merupakan bapa saudara kepada Sultan Muzaffar Shah.⁵

³M.J. Pintado, *ibid.*, 269 (lihat juga Armando Contresao, *The Suma Oriental*, London: The Haklyut University, 268-269, Muhammad Yusof Hashim, Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitan dlm *Melaka The Transformation of A Malay Capital 1400-1980*, vol 1, Melbourne: Oxford University Press, h. 114)

⁴Berdasarkan kepada kajian, penulis berpandangan Kesultanan Melayu Melaka adalah negeri pertama di Semenanjung Melayu yang memberikan ruang dan peluang kepada orang asing masuk dan berada di dalam pentadbiran. Berbeza dengan negara-negara luar seperti China yang langsung tidak membenarkan kemasukan pendatang asing secara berluasa. Konsep yang diamalkan Kesultanan Melayu Melaka ini telah menjadi satu kebiasaan dan dipraktikkan sehingga kepada penubuhan Malaysia dan hari ini.

⁵Cheah Boon Keng, (2009), *Sulatus Salatin Sejarah Melayu*, Selangor: MBRAS Reprint, 130) (lihat juga W.G. Shellabear, (1975), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 62, lihat juga Winsted,

Kejayaan Melaka menempa nama di arena antarabangsa menjadikan Melaka sebuah negara yang masyhur di kalangan pedagang bahkan pelabuhan Melaka sentiasa menjadi destinasi persinggahan utama pedagang dari luar. Hal ini berikutan suasana kondusif serta kemudahan yang disediakan oleh pemerintah bagi menggalakkan kehadiran pedagang dari luar ke pelabuhan Melaka. Bermula dengan aktiviti perdagangan negara-negara luar yang menghormati Melaka sebagai sebuah negara yang kuat mula menunjukkan minat untuk melanjutkan hubungan diplomatik melalui jalinan kerjasama luar. Kehebatan Melaka menjangkaui batasan sehingga ke peringkat global seperti China, Jepun dan Turki.

Pencapaian Melaka di peringkat antarabangsa ini tidak akan berhasil tanpa usaha keras pemerintah yang sentiasa mahukan yang terbaik untuk kerajaan. Pewaris pemerintahan daripada Bukit Saguntang telah membuktikan kejayaan mereka memerintah Melaka dengan cemerlang setelah melafazkan sumpah taat setia untuk menjulang pemerintahan Melayu. Tahap kejayaan yang dicapai kerajaan Melaka ini sudah tentu didalangi pemimpin-pemimpin yang hebat dan memiliki strategi dalam pentadbiran. Rencana yang telah disusun itu semestinya memberikan manfaat kepada kekuatan negeri itu. Jika dilihat kepada proses pembukaan kota Melaka peranan Parameswara itu teramat sangat penting. Baginda yang merupakan pewaris kepada kerajaan Sriwijaya berundur ke Temasik setelah Palembang dikuasai Majapahit dan kemudiannya berundur ke Melaka. Seterusnya membangunkan sebuah kerajaan yang megah dan dilindungi kuasa

R.O, (1935), *A History of Malaya*, Singapore: Marican Sons, 50-51, Paul Wheatley, (1964), *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore: Eastern University Press, 133)

kuat China.⁶ Perlindungan yang diberikan China tidak pernah terhenti walaupun Melaka telah gugur di tangan Portugis sokongan daripada Kerajaan Dinasti Ming sentiasa berterusan dengan menunjukkan penentangan terhadap Portugis selain menolak untuk menjalinkan hubungan diplomatik.⁷

Penyusunan politik yang direncana Parameswara sangat teliti. Kesempatan yang digunakan bagi mengelakkan diri daripada serangan Siam dengan meminta pertolongan daripada China dilihat sebagai satu strategi yang bijak sehingga Siam menerima amaran daripada China agar tidak mengganggu Melaka yang berada di bawah perlindungannya.⁸ Kemunculan Melaka berlaku secara terancang dan rapi oleh pemerintah dan pembesar yang berpengalaman pada ketika itu. Melaka menjadi pewaris kepada kerajaan Melayu Sriwijaya yang pernah menjadi kuasa maritim yang hebat sekitar abad ke-7 hingga 11 yang menguasai Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Kedudukan strategik Melaka yang berada di Selat Melaka adalah penyumbang utama kepada perkembangan tamadun Melayu yang pesat setanding dengan kekuatan dan kemasyhuran Sriwijaya.⁹

PEMBAHASAN

1. Parameswara Pendukung Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka

Dalam Sejarah Melayu ada menyebut tentang individu yang membuka Melaka yang dinamakan sebagai Sultan Iskandar Syah dalam naskah Raffles no. 18¹⁰

manakala dalam naskah W.G Shellabear pembuka kepada Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka adalah Iskandar Syah. Dalam sumber Portugis ada menyebut tentang pembuka Melaka yang dinamakan sebagai Paramjcura iaitu putera raja dari Palembang.¹¹ Merujuk Tom Pires gelaran Paramjcura berasal daripada Bahasa Jawa yang membawa maksud “Orang yang Berani.”¹² Menurut John Crawfurd gelaran Parameswara itu berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu Apramasya-sura yang memberi erti pahlawan yang tiada tolok bandingnya.¹³

Nama yang dinyatakan dalam catatan Portugis dan Sejarah Melayu adalah berbeza tetapi melihat kepada Sejarah Melayu Raja Iskandar Syah itu merujuk kepada Parameswara yang pada ketika itu masih lagi belum memeluk Islam sepanjang penghijrahannya dari Singapura hingga ke Melaka.¹⁴ Kedua-dua sumber ini dipersetujui oleh R.O Winsted yang mana beliau mendakwa Paramewara dalam catatan Tomè Pires dan Raja Iskandar Syah adalah orang yang sama.¹⁵ Menurut Geoff Wade, catatan Ming tidak menyebut tentang siapa pemerintah pertama yang membuka Melaka kerana pada peringkat ini dokumentasi kerajaan Ming masih lagi belum kukuh disebabkan masalah dalaman yang meruncing. Namun begitu catatan China jelas menyatakan tentang pemerintah pertama yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kesultanan Melayu Melaka dimana pada tahun 1405

Melayu, MS Raffles, No 18 MBRAS, Kuala Lumpur, 120

¹¹ Armando Cortesao, (1947), *The Suma Oriental*, 231

¹² Armando Cortesao, (1947), *The Suma Oriental*, 231

¹³ John Crawford, (1974), *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands And Adjacent Countries*, India: Chaukamba Orientalia, 243

¹⁴ Buyong Ali, (1974), *The History of Malacca*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2

¹⁵ R.O. Winsted, (1948), “*The Malay Founder of Medieval Malacca*,” Buletin of the School of Oriental and African Studies, xii

⁶ Wang Gungwu, *The Opening of Relationship*, 101 (Sila lihat Hamka, (2016), *Sejarah Umat Islam*, Jakarta: Gema Insani, 529)

⁷ Liang Liji, (1996), *op.cit.*, 74 dan 76 (Lihat juga Geoff Wade, *op.cit.*, 364 dan 366)

⁸ Liang Liji, (2009), *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke 15*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 57.

⁹ Hamka, *op.cit.*, 528

¹⁰ Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998, Abdul Rahman Haji Ismail merumikan dalam *Sejarah*

menyatakan tentang romongan diplomatik dari Melaka yang dihantar oleh pemerintahnya iaitu Ba-li-mi-su-la. Mengikut sumber catatan ketemporari China pemerintah Melaka ini kemudiannya disebut sebagai Parameswara sama seperti yang dicatatkan oleh Tomé Pires di dalam Suma Oriental sebagai pemerintah negeri Melaka yang melarikan diri dari Palembang.¹⁶

Adakah sebenarnya istilah Parameswara itu gelaran kepada seorang raja yang memerintah sebuah kerajaan atau sebenarnya Parameswara itu adalah nama kepada tokoh penting yang membuka Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka? Nama Permaisuri yang dikatakan telah menjadi isteri kepada Paramjura bersesuaian dengan gelaran suaminya jika disebut Permaisuara. Gelaran Parameswara diberikan kepada seorang suami yang beristerikan seorang puteri yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi daripada kedudukannya sendiri dan jika dilihat kembali kepada latarbelakang Parameswara baginda adalah putera raja yang berdarah campuran yang mana ibunya bukan daripada keturunan kerabat. Gelaran ini diterima setelah memperisterikan puteri daripada kerajaan Majapahit.¹⁷ Oleh itu, Permaisuara adalah gelaran kepada pasangan Permaisuri manakala nama sebenar penubuh kepada Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka ialah Parameswara.¹⁸ Sehubungan itu, Parameswara adalah nama kepada pembuka Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka tetapi sewaktu berada di Majapahit baginda digelar Permaisuara kerana mengahwini puteri Majapahit. Maka dengan sebab itu catatan Portugis dan

China menyebutnya sebagai Parameswara dengan bentuk catatan dan ejaan yang berbeza tetapi masih mengekalkan sebutan yang sama.

Jika dilihat kepada latarbelakang Parameswara, baginda adalah seorang anak putera raja kepada Kerajaan Sriwijaya iaitu anak kepada Sang Aji tetapi sebahagian darah baginda adalah berdarah rakyat biasa. Baginda kemudiannya mengahwini puteri kepada saudara Batara Tamarill yang bergelar Paramjure atau permaisuri yang mana keluarganya adalah penguasa ke atas Tanah Jawa termasuklah menguasai Sang Aji Palembang, Sang Aji Tanjung Pura dan Sang Aji Singapura.¹⁹ Menyedari baginda telah mengahwini puteri yang lebih tinggi kedudukannya dan berkuasa besar ke atas negara jiran menjadikan pernikahan tersebut sebagai satu platform bagi membebaskan kerajaannya daripada naungan Jawa selain turut menggelar dirinya sebagai Pembelas Agung (Great Exrmpt).²⁰ Betara Tamarill menjadi marah apabila mengetahui Parameswara menggelar dirinya Mjura atau dengan kata lain baginda mengistiharkan Palembang bebas daripada taklukan Majapahit selain mengelak untuk membayar ufti sehingga menyebabkan tercetusnya perperangan yang membawa kepada perpindahan baginda ke Temasik.²¹

Tindakan Parameswara menyebabkan Betara Tamarill bertekad untuk membunuh Parameswara dan menyerang Palembang serta memusnahkan hasil bumi dan membunuh masyarakat Palembang. Pada tahap ini Betara Tamarill merasa kecewa dengan tindakan Parameswara yang mengkhianat kepercayaan yang diberikan baginda, maka dengan sebab itu mereka tidak teragak-agak untuk menentang dan membunuh Parameswara. Melihat kepada situasi ini Parameswara sedar kedudukannya sudah

¹⁶Geoff Wade, (2007), Melaka in Ming Dynasty Texts dlm *Southeast Asia China Interaction*, Kuala Lumpur: JMBRAS, 335

¹⁷R.O Winsted, (1935), *A History of Malaya*, Singapore: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 39

¹⁸ Awang Mohd Jamil, (2014), Permaisuara dlm *Parameswara Pengasas Empayar Melaka*, Melaka: IKSEP, 40

¹⁹ Armando Cortesao, (1947), *The Suma Oriental*, 231

²⁰ Armando Cortesao, *op.cit*, 231

²¹ Armando Cortesao, *op.cit*, 231

tidak mampu dipertahankan lalu melarikan diri ke Temasik bersama orang kepercayaan baginda. Pelayaran ke Temasik menguatkan tekad Parameswara untuk memerintah kerajaan itu lalu membunuh Sam Agy Singapura.²²

Pada tahap ini tindakan Parameswara boleh dinilai sebagai seorang raja terbuang yang mahu mengembalikan kekuasaannya sebagai pemerintah yang layak. Perkahwinan dengan puteri daripada kerajaan besar tersebut menjadi jambatan kepada Parameswara untuk membebaskan negerinya daripada cengkaman Majapahit ternyata usaha tersebut menimbulkan kemarahan keluarga mentuanya. Sekali lagi Parameswara cuba membuat rampasan kuasa dengan membunuh pemerintah Temasik yang memberikan perlindungan politik kepada Parameswara dan sempat memerintah Temasik selama lima tahun. Kedesakan yang melingkari Parameswara menjadikan baginda buangan yang kuat kerana perlu memikirkan sesuatu bagi menjamin kesejahteraan diri dan pengikutnya. Secara logiknya sekiranya Parameswara tidak memiliki sebuah kerajaan kuat yang boleh melindungi dirinya maka baginda akan menjadi mangsa musuh politik.

Menurut Tan Ta Sen, Parameswara yang lahir sebagai pewaris kepada kerajaan Sriwijaya telah dididik dan dilatih untuk menjadi pemerintah yang mana pemerintahan bapanya telah memberikan kesan kepada corak politik Kesultanan Melayu Melaka yang diadaptasikan daripada bentuk pemerintahan dan pentadbiran kerajaan Sriwijaya. Sehubungan itu, sebelum baginda mendirikan kerajaan Melaka, baginda sudah memilliki asas politik yang kukuh dalam dirinya dan sudah layak untuk bergelar raja.²³ Wang Gungwu melihat perkembangan Melaka sebagai sebuah negara yang hebat adalah hasil daripada

kepintaran pemerintah terawal iaitu Parameswara yang merupakan pewaris kepada Kerajaan Sriwijaya.²⁴ Perubahan dan perkembangan Melaka yang berasal daripada perkampungan biasa lahir sebagai sebuah pelabuhan entrepot hasil daripada berkat pengalaman dan pengetahuan Parameswara yang dibentuk dan dididik di bawah pentadbiran dan sosioekonomi kerajaan Sriwijaya.²⁵ Menurut Paul Wheatley dalam tempoh empat tahun selepas menerima pengiktirafan sebagai sebuah kerajaan yang bebas dari ancaman Siam, Melaka telah bangkit menjadi sebuah pelabuhan yang maju dalam hanya beberapa tempoh selain berjaya mengawal aktiviti perdagangan di antara Kepulauan Melayu dan lautan India.²⁶ Begitu juga sewaktu berada di Muar baginda telah memajukan kawasan Muar dengan meningkatkan aktiviti ekonomi selain cuba untuk memperkuatkan poitik di Muar tetapi sayangnya usaha tersebut menemui jalan buntu apabila baginda terus menerus menerima asakan Siam.²⁷ Penulis melihat asas didikan dalam pembentukan politik kerajaan Srivijaya berjaya mendidik Parameswara menjadi seorang pemerintah yang cemerlang kerana hanya dalam tempoh empat tahun Melaka berjaya menjadi pusat perdagangan yang menerima kunjungan pedagang asing.

Kronologi perjalanan politik Parameswara disebut Wolter berlaku selama dua puluh lima tahun bermula dengan pemerintahan baginda di

²⁴ Wang Gugwu, *The First Three Ruler off Mallaca*

²⁵ C.A Gibbison-Hill, (1955), "Johor Lama and Other Ancient Sites on the Johor River dlm JMBRAS. Jil. Xviii, 127 (lihat juga Paul Wheatley, (1964), *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore: Eastern University Press, 122

²⁶ Paul Wheatley, (1964), *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore: Eastern University Press, 127

²⁷ Armando Cortesao, (1944), *The Suma Oriental of Tom Pires*, London: Haklyut, 232 (lihat juga Paul Wheatley, (1964), *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore: Eastern University Press, 121

²² Armando Cortesao, *op.cit*, 231

²³ Ta Ta Sen, (2014), Cheng Ho and Malaya, Melaka: Cheng Ho Cultural Museum, 58

Palembang dan berakhir di Melaka. Baginda memerintah di Palembang selama tiga tahun, kemudian memerintah di Singapura selama enam tahun, mendirikan kerajaan di Muar dan membuka serta memerintah Melaka selama empat belas tahun.²⁸ Merujuk kepada Sejarah Melayu Parameswara mengambil masa selama dua puluh tiga tahun yang mana baginda memerintah Palembang selama tiga tahun dan baki dua puluh tahun pula perjalanan bagi ke Melaka dan penubuhan Kesultanan Melayu Melaka. Sebelum membawa diri ke Temasik baginda sempat memerintah Kerajaan Sriwijaya selama dua tahun iaitu dari tahun 1388-1389 dan sepanjang tempoh dua tahun tersebut baginda mendapat sokongan penuh daripada orang Bugis untuk membebaskan Palembang daripada cengkaman Majapahit. Pada ketika itu, orang Bugis terdiri daripada petani dan ada juga daripada kalangan mereka merupakan pedagang selama satu abad di Asia Tenggara.

Peranan orang Bugis pada ketika ini juga amat membantu Kerajaan Sriwijaya kerana mereka banyak memberi bantuan menghapuskan lanun-lanun di perairan selat Melaka selain turut meningkatkan keselamatan dan kebebasan kepada pedagang yang datang ke pelabuhan Sriwijaya. Kerajaan Majapahit telak ditolak pemerintahannya. Parameswara bercita-cita untuk memutuskan hubungan dengan Majapahit, Pemerintah Majapahit yang merupakan abang iparnya telah mengatur tentera untuk menyerang Sriwijaya. Usaha Parameswara untuk menentang Majapahit telah menemui kegagalan dan baginda terpaksa melarikan diri ke Temasik.²⁹

Penemuan Melaka oleh Parameswara yang pada ketika membawa diri dari Temasik telah membawa kepada

penubuhan sebuah kerajaan yang akhirnya meninggalkan kesan besar kepada Sejarah Melayu. Kehadiran baginda pada ketika itu bertemankan orang-orang laut yang setia mengikutnya sepanjang pelayaran. Situasi kota Melaka pada ketika itu hanya sekadar sebuah perkampungan nelayan yang tidak punya apa-apa termasuklah ketidaan pemerintah yang mampu mentadbir perkampungan tersebut.³⁰ Menurut Ta Ta Sen, Melaka pada ketika itu sekadar diketuai oleh seorang Sami yang beragama Hindu-Buddha dan apabila Parameswara datang ke Melaka secara automatiknya penduduk di situ menerima baginda sebagai pemerintah memandangkan baginda adalah pewaris kepada Kerajaan Sriwijaya. Penduduk tempatan mengiktiraf baginda sebagai sultan dan segala kehendak Parameswara dituruti yang mana mereka meletakkan kepercayaan sepenuhnya terhadap pentadbiran Parameswara.³¹

Pada peringkat awal baginda kecundang dalam meneruskan pemerintahan di Muar tetapi hal ini tidak melemahkan semangat Parameswara dalam terus memperjuangkan sebuah kerajaan baru kerana darah bangsawan yang mengalir dalam dirinya. Pemilihan Melaka sebagai sebuah negara bukan pilihan yang salah kerana mengikut percaturan Parameswara Melaka adalah lokasi yang terbaik untuk membangunkan kerajaan. Sejak abad pertama lagi Selat Melaka telah menjadi laluan utama kepada pedagang timur dan barat.³² Selepas empat tahun perjalanan Parameswara untuk mendirikan Melaka akhirnya baginda diisytiharkan sebagai pemerintah Melaka yang pertama dan Melaka diangkat sebagai sebuah kerajaan dan bukan lagi sebagai perkampungan nelayan.³³ Lokasinya yang

²⁸Wolter, O.W, (1970), *The Fall of Srivijaya in Malay History*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 109 dan 147

²⁹Armando Cortesao, (1947), *The Suma Oriental*, 233

³⁰Paul Wheatley, (2010), *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 308

³¹Tan Ta Sen, (2014), *Cheng Ho and Malaya*, Singapore: International Zheng He Society, 63-64

³²Paul Wheatley, (2010), *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press, 46

³³Paul Wheatley, (2010), *op.cit*, 308

kondusif dangan persekitaran semula jadinya yang menarik, bebas daripada tiupan angin monsun selain turut menghasilkan sumber ekonomi yang lumayan merupakan peluang besar untuk membina sebuah kerajaan baru. Kesemua kelebihan ini didapati pada lokasi pilihan Parameswara untuk membina negara dan dengan daya intelek baginda menggembung tenaga bagi membuka kerajaan di lokasi berkenaan.³⁴

Tentang agama Parameswara terdapat beberapa dakwaan yang menyatakan baginda tidak memeluk agama Islam sewaktu datang ke Melaka antaranya ialah dakwaan daripada Tomè Pires yang mengatakan Parameswara tidak Islam sewaktu mangkat. Berdasarkan catatan Portugis pemerintah Melaka yang kedua iaitu Xaquem Darxa memeluk Islam selepas berkahwin dengan Puteri Pasai.³⁵ Wake juga turut mengutarakan pandangan yang sama dengan dakwaan bahawa nama Iskandar Syah yang digunakan oleh Parameswara bukan bermakna baginda itu sudah menerima Islam tetapi pada tahap ini baginda sudah mula menunjukkan minat terhadap agama Islam disebabkan kehadiran ramai pedagang dari Pasai ke pelabuhan Melaka.³⁶ Parameswara mengubah namanya kepada kepada Iskandar Syah agar lebih dekat dengan nama nenek moyang raja-raja Melaka iaitu Raja Iskandar Zulkarnain.³⁷

Dalam Sejarah Melayu menyebut bahawa sultan pertama yang memeluk Islam adalah Raja Kecil besar memeluk Islam setelah bermimpi kehadiran Nabi Muhammad yang mengislamkan baginda melalui mimpi dan menukar namanya

kepada Sultan Muhammad Syah.³⁸ Sedangkan Eredia berpandangan Parameswara sudah pun memeluk Islam ketika berada di Melaka iaitu sekitar tahun 1411 masih.³⁹ Dakwaan yang sama turut diutarakan oleh Ma Huan sewaktu melawat Melaka, beliau mengatakan Parameswara telah memeluk ajaran Islam dan baginda dikatakan telah memeluk agama tersebut beberapa tahun sebelum beliau datang ke Melaka kira-kira pada tahun 1413 dan berpegang dengan fahaman daripada mazhab Syafie.⁴⁰

Parameswara mangkat sekitar tahun 1414, jika dakwaan Eredia dan Ma Huan benar bermakna Parameswara telah memeluk Islam sebelum kemangkatan dan bukannya mangkat sebagai seorang pengikut agama Hindu seperti dakwaan Tomè Pires dan Sejarah Melayu. Penulisan Sejarah Melayu yang ditulis sewaktu dalam tempoh satu abad selepas kejatuhan Melaka dikhuitiri berlaku sedikit kekeliruan daripada sudut faktanya begitu juga dengan Tomè Pires yang mana beliau hanya hadir di Melaka selama dua tahun setengah pada awal abad ke-16 sewaktu Melaka berada di ambang kejatuhan.⁴¹ Berbeza dengan Ma Huan yang berada di Melaka sendiri sewaktu zaman pemerintahan Parameswara dan melihat sendiri suasana masyarakat serta pemerintahnya yang beragama Islam. Penulis bersetuju dengan dakwaan bahawa Parameswara telah pun memeluk Islam dan mangkat sebagai seorang Islam berdasarkan kepada penulisan Ma Huan kerana beliau sering belayar bersama

³⁴Muhammad Yusoff Hashim, (2015), *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 177

³⁵Armando Cortesao, (9147), *op.cit*, 240-241

³⁶Christopher H. Wake, *Malacca's Early Kings and The Reception of Islam*, JSEAH, vo. 5, Part II, 1964, 119-121

³⁷V. Thilagavathi, (2014), Dari Bukit Si Guntang Mahameru Ke Bukit Larangan: Parameswara Dalam Teks Sejarah Melayu dlm *Parameswara Pengasas Empayar Melaka*, Melaka: IKSEP, 71

³⁸W.G. Shellabear, (1995), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 54-55

³⁹J.V. Mills, (1930), *Eredia's Description of Malacca* dlm JMBRAS, 47

⁴⁰Slamet Muljana, *ibid*, 209-210

⁴¹Armando Cortesao, The Suma Oriental, 229, (lihat juga Paul Wheatley, (2010), *The Golden Khersonese*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 307, Paul Wheatley, (1964), *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore: Eastern University Press, 131

Cheng Ho dan sering singgah ke Melaka. Beliau yang berperanan sebagai penulis kepada setiap peristiwa yang berlaku di lokasi persinggahan menguatkan dakwaan Parameswara adalah muslim berdasarkan pemerhatian beliau sendiri sewaktu berada di Melaka pada 1413.

DAFTAR PUSTAKA

- A. Samad Ahmad, (1970), *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Armando Cortesao, (1944), *The Suma Oriental of Tom Pires*, London: Haklyut
- Awang Mohd Jamil, (2014), Permaisuara dlm *Parameswara Pengasas Empayar Melaka*, Melaka: IKSEP
- Buyong Ali, (1974), *The History of Malacca*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- C.A Gibson-Hill, (1955), “Johor Lama and Other Ancient Sites on the Johor River dlm JMBRAS. Jil. Xviii
- Cheah Boon Keng, (2009), *Sulatus Salatin Sejarah Melayu*, Selangor: MBRAS Reprint
- Christopher H. Wake, *Malacca's Early Kings and The Reception of Islam*, JSEAH, vo. 5, Part II, 1964
- Geoff Wade, (2007), *Melaka in Ming Dynasty Texts* dlm *Southeast Asia China Interaction*, Kuala Lumpur: JMBRAS
- Hamka, (2016), *Sejarah Umat Islam*, Jakarta: Gema Insani
- J.V. Mills, (1930), *Eredia's Description of Malacca* dlm JMBRAS
- John Crawford, (1974), *A Descriptive Dictionary of the Indian Islands And Adjacent Countries*, India: Chaukamba Orientalia
- Liang Liji, (2009), *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke 15*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- M.J. Pintado (pnyt.) (1993), *Portugese Documents on Mallaca* Vol. 1 (1510-1511), Kuala Lumpur: National Archieves of Malaysia
- Muhammad Yusof Hashim, Masyarakat Melaka Zaman Kesultanan dan Sifat Kosmopolitan dlm *Melaka The Transformation of A Malay Capital 1400-1980*, vol 1, Melbourne: Oxford University Press
- Muhammad Yusoff Hashim, (2015), *Kesultanan Melayu Melaka*, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Paul Wheatley, (1964), *Impression of the Malay Peninsula in Ancient Times*, Singapore: Eastern University Press
- Paul Wheatley, (2010), *The Golden Khersonese*, Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- R.O Winsted, (1935), *A History of Malaya*, Singapore: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society
- R.O. Winsted, (1948), “*The Malay Founder of Medieval Malacca*,” Buletin of the School of Oriental and Africcan Studies
- Tan Ta Sen, (2014), *Cheng Ho and Malaya*, Singapore: International Zheng He Society
- V. Thilagavathi, (2014), Dari Bukit Si Guntang Mahameru Ke Bukit

Larangan: Parameswara Dalam Teks
Sejarah Melayu dlm *Parameswara*
Pengasas Empayar Melaka, Melaka:
IKSEP

W.G. Shellabear, (1975), *Sejarah Melayu*,
Kuala Lumpur: Fajar Bakti

Winsted, R.O, (1935), *A History of
Malaya*, Singapore: MaricanSons

Wolter, O.W, (1970), *The Fall of Srivijaya
in Malay History*, Kuala Lumpur:
Oxford University Press.